

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14/09/2017

Malaysia bukan negara gagal: PM

BH- 14/9/2017 Pg. 2

➔ Kita mampu bersinar lebih maju, berjaya pada 2050

Ahmad Zaini Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my
► Washington DC



Malaysia bukan negara gagal, sebaliknya sebuah bintang yang bersinar untuk menjadi negara lebih maju dan berjaya.

Kejayaan yang dinikmati sekarang akan dipertingkatkan dan tumbuh untuk menjadi antara 20 negara maju pada 2050.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata perkara itu dimaklumkan dalam pertemuannya dengan Presiden Donald Trump.

"Kita mahu membawa Malaysia sebagai negara peneraju dan berjaya di dunia.

"Kita mahu terus berkembang untuk generasi akan datang. Jadi lebih kuat, membangun dan menjanjikan kegemilangan kepada generasi muda," katanya pada majlis

makan malam waktu tempatan bersama pelajar dan rakyat Malaysia di Amerika Syarikat (AS).

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Duta Besar Malaysia ke AS, Tan Sri Zulhasnan Rafique; Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Najib juga berkata, lawatannya atas jemputan Trump sangat signifikan kepada Malaysia dan beliau akan mempersembahkan peluang baharu kepada Presiden AS untuk manfaat bersama.

Katanya, AS adalah rakan penting Malaysia sejak 60 tahun lalu dan semakin kukuh dari semasa ke semasa walaupun pemimpinnya silih berganti.

Bawa cadangan baharu

"Lawatan ini dapat menunjukkan Malaysia penting kepada AS. Kita datang ke sini untuk membawa cadangan dan peluang baharu.

"Kita datang sebagai bintang yang bersinar, negara yang berjaya dan akan terus tumbuh," katanya.

Selain itu, kedua-dua negara boleh bersama membanteras keganasan serta memberi gambaran sebenar mengenai ajaran Islam.

Sementara itu, Durian Musang King menjadi antara sajian pencuci mulut dalam jamuan itu yang di-

adakan di Kedutaan Besar Malaysia di sini.

Ia dihidangkan selepas selesai majlis makan dan acara penyampaian hadiah peraduan mencipta logo sempena ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik Malaysia-AS.

Sejurus dihidangkan, jemputan yang terdiri daripada pelajar dan rakyat Malaysia di AS menyerbu durian yang dihantar khas dari Malaysia itu.

Sebanyak 25 kotak durian segar dibawa khas hasil tajaan beberapa pihak.

Tulisan Perdana Menteri mengenai perkongsian komprehensif AS, Malaysia di Ms.9